

# Cara kira kadar inflasi sentiasa diperbaiki

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



■ TENGKU RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, Jumaat — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menafikan dakwaan kononnya kadar inflasi di negara ini tidak mengambarkan kadar yang sebenar.

Dakwaan-dakwaannya seperti itu, tegasnya adalah berasaskan penilaian yang salah mengenai angka tunjuk harga pengguna.

Dalam jawapan bertulis soalan Senator Datuk Haji Mohd. Nor Mohamad Din yang ingin tahu cara kerajaan mengumumkan kadar inflasi, Tengku Razaleigh berkata:

"Cara yang kita gunakan untuk mengira angkaunjuk harga pengguna adalah diterima di peringkat antarabangsa.

Institusi-institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa tidak pernah menyoal kadar inflasi kita, malah telah memuji Malaysia kerana dapat menstabilkan paras harga dengan begitu rendah di dunia ini, tambahnya.

Bagaimanapun, katanya, negara sentiasa memperbaiki lagi cara mengira kadar inflasi dan mengemaskinikannya.

Satu pengiraan awam berdasarkan wajaran tahun 1980 tidak menunjukkan perbezaan besar dalam kadar inflasi yang telah diumumkan, katanya.

## Petunjuk

"Kita juga sedang berusaha untuk mengira petunjuk-petunjuk harga yang berasingan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar," tambah Tengku Razaleigh lagi.

Mengenai angkaunjuk harga pengguna, beliau berkata, ia adalah satu petunjuk yang digunakan untuk mengira purata isi rumah, berdasarkan kepada satu kumpulan barang-barang yang ditetapkan dengan menggunakan wajaran sebagai asas.

Badan-badan lain boleh menggunakan kaedah-kaedah mereka sendiri untuk mengira kadar inflasi berasaskan kaedah mereka.

Perbezaan metodologi ini tentulah akan menghasilkan perbezaan dalam angka yang diperolehi, jelasnya.

## Dagang dengan Britain: Kita masih kerugian

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdagangan Malaysia-Britain sejak tahun 1975 lalu masih lagi menguntungkan Britain, kata Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Shahrir Abdul Samad, semalam.

Katanya, tahun 1975 Britain dalam imbangan perdagangannya, untung \$298 juta, 1978 \$196 juta dan tahun lalu saja negara itu untung \$495 juta.

"Malah sepanjang enam bulan pertama tahun ini keuntungan di pihak Britain ialah \$225.6 juta," katanya ketika menjawab soalan Senator Alexander Lee di Dewan Negara.

Menurut beliau, adalah dijangka sehingga akhir tahun ini, Malaysia akan terus mengalami kerugian imbangan dagangannya dengan negara tersebut.

Menjawab soalan tambahan Senator Tan Sri Haji Abdul Razak Hussein, beliau berkata, kerugian Malaysia disebabkan oleh kejatuhan hasil eksport yang terdiri dari bahan-bahan mentah utama.

Sebaliknya, negara ini mengimport mesin-mesin dan alat-alat jentera berat dari Britain yang mahal harganya untuk menampung pembangunan negara, kata beliau lagi.

Bagaimanapun, kata Datuk Shahrir, kerajaan kini tidak mahu bergantung sepenuhnya pembelian jentera-jentera berat dari negara tersebut.

"Usaha-usaha sedang dijalankan seperti menggalakkan rombongan perdagangan ke negara-negara lain," katanya lagi.

Timbalan Menteri itu berkata, dasar kerajaan sekarang ialah menggalakkan eksport barang-barang buatan kilang. Kini jumlahnya hanya 20 peratus tapi menjelang 1985 dijangka meningkat 25 peratus, tambahnya.

## Kerajaan terus bertindak mencegah pelampau

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan akan terus bertindak mencegah amalan pelampau oleh pihak-pihak tertentu supaya tidak merebak dan mengancam perpaduan dan keselamatan negara.

Menteri Tak Bertfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir berkata, soal menghapuskan amalan pelampau ini bukan saja dibebankan kepada kerajaan tapi juga semua rakyat yang cintakan keamanan.

Bagi kerajaan, katanya, langkah menghapuskan amalan ini sentiasa dijalankan dengan baik menerusi rancangan perpaduan negara dalam semua aspek pentadbiran dan kemasyarakatan selain undang-undang yang sedia ada.

Usaha-usaha kesedaran melalui kesedaran juga diteruskan, katanya dalam jawapan bertulis soalan Senator Dr. Choo Kool Fook, di Dewan Negara, hari ini.

Mengenai istilah Bumiputera, beliau berkata, perkataan itu sebenarnya tidak mengganggu usaha kerajaan memupuk perpaduan.

## 33 jawatan guru Tamil masih belum diisi

KUALA LUMPUR, Jumaat — Tiga puluh tiga jawatan guru Tamil masih belum diisi tahun ini, kata Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun semalam.

Ini kata beliau, berdasarkan kekosongan calon-calon guru untuk mengikuti kursus pengajian peringkat awal kanak-kanak Bahasa Tamil di maktab-maktab perguruan.

Kementerian Pelajaran katanya, bercadang mengambil 120 guru pelatih untuk kursus tersebut tahun ini, tapi hanya 87 sahaja calon yang mendaftarkan diri.

"Ini bermakna masih terdapat 33 tempat yang tidak diisi," tambahnya.

## RAMALAN CUACA

BERIKUT ialah ramalan keadaan cuaca antara jam 6.00 pagi ini hingga 6.00 pagi esok dikeluarkan oleh Jabatan Kaji Cuaca Kementerian Pengangkutan.

SUHU — Maksimum 30 darjah Celsius dan minimum 23 darjah Celsius.

CUACA — Semenanjung:

PAGI - Kelantan, Trengganu, Pahang Timur, Johor Timur dan Tengah hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana di beberapa tempat. Lain-lain tempat cuaca baik.

PETANG - Kelantan, Trengganu, Pahang Timur, Johor Timur dan Tengah hujan sekejap-sekejap dan akan berterusan di sebelah petang. Lain-lain tempat hujan di beberapa tempat di sebelah petang dan senja.

Sarawak: PAGI - Bahagian 1, 2, 3, dan 6 mendung dengan hujan renyai-renyai pada awal pagi.

PETANG - Semua bahagian hujan di beberapa tempat pada lewat petang dan senja.

Sabah: PAGI - Bahagian Kudat dan Sandakan hujan di kawasan pantai pada awal pagi. Lain-lain tempat cuaca baik.

PETANG - Bahagian pedalaman, pantai barat, kawasan pedalaman dan Bahagian Sandakan hujan di beberapa

tempat. Lain-lain tempat hujan panas pada waktu petang.

ANGIN — Semenanjung:

Selat Melaka, angin timur laut bertuip selaju 10 hingga 20 kilometer sejam sementara Laut China Selatan, angin timur laut bertuip selaju 15 hingga 35 kilometer sejam.

Sabah dan Sarawak: Laut China Selatan, angin timur laut bertuip selaju 15 hingga 35 kilometer sejam dan Laut Sulu, angin timur laut bertuip selaju 15 hingga 25 kilometer sejam.

KEADAAN LAUT — Semenanjung:

Selat Melaka, laut berombak setinggi 0.5 hingga 1.5 meter manakala Laut China Selatan, laut berombak setinggi 1.0 hingga 2.5 meter.

Sabah dan Sarawak: Laut China Selatan, laut berombak setinggi 1.0 hingga 2.5 meter sementara Laut Sulu, laut berombak setinggi 1.0 hingga 2.0 meter.

PASANG SURUT:

Pulau Pinang - 0042 (2.8m), 1318 (2.3m).

Pelabuhan Kelang - 0604 (5.1m), 1845 (4.9m).

Port Dickson - 0701 (3.2m), 1922 (2.8m).  
Singapore - 1033 (3.1m).

Sedili Kecil - 0850 (2.3m), 2309 (2.7m).  
Kuantan - 0824 (2m), 2216 (3.4m).  
Kuala Trengganu - 0611 (1.2m), 2141 (2.5m).